

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]
TARIKH : KHAMIS, 17 MAC 2016
RUJUKAN : L6 [PR-1341-L72208]
SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah jumlah rumah mampu milik yang telah siap untuk diduduki dan berapa jumlah keseluruhan yang akan dibina dan di kawasan mana.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiawangsa, sebanyak 2 projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) telah berjaya disiapkan pada tahun 2015 melibatkan sejumlah **2,500 unit** di mana satu daripadanya telah pun diduduki pada September 2015. Bagi projek yang sedang dalam pembinaan pula adalah sebanyak **22,389 unit** yang dijangka siap antara tahun 2016 hingga 2018.

Di antara kawasan-kawasan parlimen di mana projek-projek ini dibina yang boleh saya nyatakan secara umum di sini meliputi Setiawangsa, Titiwangsa, Bukit Bintang, Wangsa Maju, Seputeh, Batu, Bandar Tun Razak, Kepong, Parlimen, Putrajaya dan Labuan.